



KERAJAAN MALAYSIA

**Pelaksanaan Program PROTÉGÉ-*Ready To Work*
(PROTÉGÉ-RTW) Dalam Perolehan Kerajaan**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 1.12	PELAKSANAAN PROGRAM PROTÉGÉ-READY TO WORK (PROTÉGÉ-RTW) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN.....	1
1.	Pendahuluan.....	1
2.	Mekanisme Pelaksanaan PROTÉGÉ-RTW.....	1
3.	Pelaksanaan Program PROTÉGÉ-RTW Bagi Perolehan Kerajaan.....	3
4.	Pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus Berkaitan Program PROTÉGÉ-RTW Bagi Perolehan Kerajaan	4
5.	Tanggungjawab Agensi.....	4
6.	Rujukan	5
7.	Tarikh Kuat Kuasa.....	5

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Arahan Kepada Penyebut Harga/Petender

**Lampiran B : Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program
*Professional Training And Education For Growing
Entrepreneurs – Ready To Work (PROTÉGÉ-RTW)***

PK 1.12 PELAKSANAAN PROGRAM PROTÉGÉ-READY TO WORK (PROTÉGÉ-RTW) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Pendahuluan

- 1.1. Program PROTÉGÉ merupakan satu program kolaborasi bersama industri dalam menyediakan latihan keusahawanan dan kebolehpasaran yang dapat membentuk dan membimbing para graduan dengan kerjasama pakar industri dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan (*job creators*) yang kompetitif dan bersedia ke pasaran global serta pencari kerja (*job seekers*) yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri semasa.
- 1.2. Pelaksanaan program PROTÉGÉ dalam perolehan Kerajaan yang kini dikenali sebagai program PROTÉGÉ-RTW memberi fokus kepada peningkatan tahap kebolehpasaran graduan untuk mendapat pekerjaan melalui penempatan di syarikat/kontraktor yang memperoleh kontrak Kerajaan.
- 1.3. Langkah Kerajaan memperluaskan pelaksanaan program PROTÉGÉ-RTW sejak 2020 melalui perolehan Kerajaan ini yang dinamakan semula sebagai PROTEGE-RTW adalah selaras dengan objektif perolehan Kerajaan sebagai satu medium untuk membangunkan negara (*a tool for nation building*).

2. Mekanisme Pelaksanaan PROTÉGÉ-RTW

- 2.1. Syarikat yang telah memperoleh kontrak perolehan Kerajaan (merangkumi perolehan yang tertakluk di bawah perjanjian FTA) daripada Agensi Kerajaan termasuk Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) diwajibkan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW berdasarkan nilai ambang (*threshold value*) mengikut kategori perolehan seperti berikut:

- a) Nilai Ambang Bagi Perolehan Tertakluk

Jenis Perolehan	Nilai Ambang Bagi Perolehan Tertakluk
Bekalan	RM50 juta dan ke atas
Perkhidmatan	
Kerja	

b) Nilai Ambang Bagi Perolehan Tidak Tertakluk

Bil.	Sektor	Had Nilai
1.	Pembinaan	RM10 juta
2.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan/ Infrastruktur/Jalan	RM5 juta
3.	Teknologi Informasi dan Komunikasi	RM10 juta
4.	Perkhidmatan Perundingan	RM5 juta
5.	Perubatan dan Farmasi	RM10 juta
6.	Perkhidmatan Sokongan Kesihatan	RM10 juta
7.	Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	RM10 juta
8.	Pengangkutan Logistik	RM10 juta
9.	Pertahanan Strategik	RM10 juta
10.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	RM4 juta
11.	Sektor Lain	RM10 juta

2.2 Syarikat hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada nilai kontrak bagi melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW.

2.3 Syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan di bawah nilai ambang digalakkan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW, namun tidak tertakluk kepada penetapan 1% daripada nilai kontrak keseluruhan.

2.4 Penetapan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ-RTW bagi sesuatu kontrak hendaklah dikira berdasarkan formula berikut (contoh pengiraan seperti di **Lampiran A**):

$$\frac{1\% \times \text{Kos keseluruhan projek(kerja)/perolehan (bekalan/perkhidmatan)}^1}{\text{RM24,000}^*}$$

¹ Merupakan harga kerja pembina bagi kos keseluruhan projek bagi perolehan Kerja.

* Elaun PROTÉGÉ-RTW sebanyak RM2,000 seorang X 12 bulan

2.5 Program PROTÉGÉ-RTW dijadikan sebagai salah satu kriteria dalam mempertimbangkan sesuatu perolehan dan pelanjutan kontrak.

2.6 Sekretariat PROTÉGÉ, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) diberi tanggungjawab untuk mengawal selia, memantau dan melapor pelaksanaan program PROTÉGÉ-RTW

berkaitan kontrak perolehan Kerajaan termasuk memaparkan senarai syarikat yang gagal melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW.

3. Pelaksanaan Program PROTÉGÉ-RTW Bagi Perolehan Kerajaan

3.1. Kewajipan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW hendaklah dinyatakan di dalam dokumen pelawaan tender seperti berikut:

- (i) syarikat adalah diwajibkan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW dalam semua perolehan berdasarkan had nilai ambang yang ditetapkan;
- (ii) penglibatan syarikat dalam program PROTÉGÉ-RTW akan dijadikan sebagai salah satu kriteria dalam penilaian tender. Agensi perlu mensyaratkan syarikat untuk mengemukakan sijil atau surat pengesahan daripada Sekretariat PROTÉGÉ bersama tawarannya jika syarikat pernah melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW bagi sesuatu kontrak perolehan Kerajaan;
- (iii) syarikat perlu mengemas kini penglibatan dalam program PROTÉGÉ-RTW di profil pengalaman dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mana berkaitan;
- (iv) pelaksanaan program PROTÉGÉ-RTW hendaklah dimulakan dalam tempoh kontrak dan boleh dilaksanakan secara berperingkat sehingga memenuhi jumlah minimum peserta PROTÉGÉ-RTW yang ditetapkan;
- (v) program PROTÉGÉ-RTW perlu dilaksanakan untuk tender tempatan dan tender antarabangsa;
- (vi) Agensi juga hendaklah memastikan Arahan Kepada Penyebut Harga/ Petender seperti di **Lampiran A** dalam semua dokumen pelawaan. Agensi juga hendaklah mensyaratkan syarikat menandatangani Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW seperti di **Lampiran B** sebagai dokumen wajib dan hendaklah disertakan bersama tawaran syarikat;
- (vii) syarikat yang mengemukakan sijil atau surat pengesahan daripada Sekretariat PROTÉGÉ, akan diberi keutamaan tidak kira sama ada program PROTÉGÉ-RTW dilaksanakan bagi perolehan Kerajaan

atau program PROTÉGÉ-RTW dilaksanakan oleh inisiatif syarikat sendiri; dan

- (viii) syarikat hendaklah diingatkan bahawa kegagalan melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW boleh menyebabkan mereka tidak akan dipertimbangkan untuk kontrak baharu atau pelanjutan kontrak.

4. Pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus Berkaitan Program PROTÉGÉ-RTW Bagi Perolehan Kerajaan

- 4.1 Pihak Berkuasa Melulus semasa membuat pertimbangan sesuatu tender hendaklah mengambil kira penglibatan syarikat di dalam program PROTÉGÉ-RTW sebagai salah satu kriteria penganugerahan kontrak.

5. Tanggungjawab Agensi

- 5.1. Sebagai langkah menjayakan dasar pelaksanaan program PROTÉGÉ-RTW dalam perolehan Kerajaan, Agensi adalah bertanggungjawab memastikan syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW berdasarkan nilai ambang mengikut kategori perolehan.
- 5.2. Agensi juga hendaklah menyemak profil pengalaman dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau CIDB atau melalui semakan dengan Sekretariat PROTÉGÉ.
- 5.3. Agensi hendaklah mengarahkan syarikat yang layak melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW untuk merujuk kepada Sekretariat PROTÉGÉ dengan serta merta bagi melaksanakan program tersebut.
- 5.4. Agensi hendaklah bersama-sama Sekretariat PROTÉGÉ memantau pelaksanaan program ini oleh pihak syarikat.
- 5.5. Agensi perlu melaporkan sebarang ketidakpatuhan pelaksanaan kepada Sekretariat PROTÉGÉ.
- 5.6. Agensi perlu menghantar wakil bagi menganggotai apa-apa jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Sekretariat PROTÉGÉ berkaitan pelaksanaan program PROTÉGÉ-RTW sekiranya terdapat keperluan.

6. Rujukan

- 6.1. Sebarang maklumat lanjut berkenaan program PROTÉGÉ-RTW, Agensi/syarikat/kontraktor boleh menghubungi:

Ketua Sekretariat
Sekretariat *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ)
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 2, Blok E4/5,
Kompleks Kerajaan Parcel E
62668 Putrajaya

Hotline : 03 – 2935 8989
E-mel : protege.rtw@kuskop.gov.my

7. Tarikh Kuat Kuasa

- 7.1. Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

LAMPIRAN

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT
HARGA/PETENDER**

**PELAKSANAAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND
EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS – READY TO
WORK (PROTÉGÉ-RTW)* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

1. Penyebut harga/petender adalah dikehendaki melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW dalam perolehan Kerajaan mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan kategori perolehan seperti berikut:

Jenis Perolehan	Nilai Ambang Bagi Perolehan Tertakluk	Nilai Ambang Bagi Perolehan Tidak Tertakluk
Bekalan	RM50 juta dan ke atas	RM10 juta dan ke atas kecuali untuk sektor yang dinyatakan secara khusus seperti di jadual yang berkenaan
Perkhidmatan		
Kerja		

$$\frac{1\% \times \text{Kos keseluruhan projek/perolehan}^1}{\text{RM24,000}^*}$$

¹ Merupakan harga kerja Pembina bagi kos keseluruhan projek dan tanpa kenaaan cukai

* Elaun PROTÉGÉ-RTW sebanyak RM2,000 seorang X 12 bulan

Contoh Pengiraan:

$$\begin{aligned}
 &= \frac{1\% \times \text{RM } 19,000,500.00}{\text{RM } 24,000} \\
 &= 7.92 \\
 &= \underline{\underline{7 \text{ orang peserta}}} \text{ (dibundarkan kepada nombor bulat)}
 \end{aligned}$$

2. Penyebut harga/petender adalah wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW seperti di **Lampiran 1** bersama dengan Dokumen Tawaran Tender/Sebut Harga.
3. Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebut harga/tender. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani

LAMPIRAN A

oleh penama di sijil *MOF/CIDB, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaianseterusnya tidak akan dilaksanakan.

4. Sekiranya sesuatu kontrak yang menggunakan Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara melebihi nilai ambang yang ditetapkan, Kontraktor Utama wajib memastikan klausa berkenaan pelaksanaan Program PROTÉGÉ-RTW dimasukkan di dalam kontrak dengan Sub-Kontraktor Yang Dinamakan (NSC) dan/atau Kontraktor Domestik.

* *Agensi hendaklah menggunakan **Lampiran B** sebagai **Lampiran 1**.*

**SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM
PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING
ENTREPRENEURS – READY TO WORK (PROTÉGÉ-RTW)**

Kepada
(Agensi)

.....
.....

Sebut Harga/Tender: (Tajuk)

.....
.....

Saya nombor kad pengenalan yang mewakili syarikat nombor pendaftaran (*MOF/CIDB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya akan melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW jika dipilih untuk sebut harga/tender ini mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta program PROTÉGÉ-RTW seperti yang ditetapkan di dalam syarat sebut harga/tender.

2. Sekiranya saya tidak melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta setelah dipilih untuk sebut harga/tender ini, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas syarikat saya berdasarkan syarat/klausa kontrak dan syarikat saya mungkin tidak akan dipertimbangkan untuk sebut harga/tender perolehan kerajaan pada masa yang akan datang.

Yang
Benar,

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan)

Cop
Syarikat:

- Catatan :
- i) *Potong mana yang tidak berkaitan
 - ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.